

Isteri lari 3 km dapatkan bantuan

Juruterbang FireFly peluk, cium jenazah dua anak sambil minta maaf

B.H 11/2/08 M/s 6

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim
dan Md Fuzi Abd Lateh
bhnews@bharian.com.my

KUALA KUBU BHARU: "Athirah, abah sayang Athirah," kata Roslan Mohd Jani, 49, ketika memeluk dan mencium jenazah anaknya, Nur Athirah, 16, yang terbunuh selepas rumah mereka di Lot 110, Jalan Belida 1, Seksyen 13, Ulu Yam Perdana, dekat sini, ditimbus tanah runtuh, awal pagi semalam.

Roslan mulanya tenang, bagaimanapun tidak dapat menahan sebak lalu menitikkan air mata sebaik jenazah anaknya itu dikeluarkan daripada runtuhannya tanah pada jam 12.44 tengah hari.

Suasana pilu turut menyelubungi tempat kejadian apa-



PASUKAN penyelamat mengeluarkan salah seorang mangsa runtuhannya tanah yang menimpa sebuah banglo setingkat di Ulu Yam.

apabila juruterbang FireFly itu turut memohon maaf ketika mengucup jenazah seorang lagi anaknya, Nur Intan Shareena, 9, yang dikeluarkan kira-kita tiga jam kemudian.

“Abah minta maaf jika ber-dosa dan marahkan Intan,” katanya dengan nada sebak.

Roslan yang ditemui berkata, ketika bersama Nur Intan Shareena malam kelmarin, beliau sempat mengingatkan anaknya itu tidak melengah-lengahkan solat, jika mahu masuk syurga.

“Selepas saya ingatkan mengenai syurga dan neraka, Intan terus mengambil wuduk dan menunaikan solat Isyak dan kemudian masuk tidur bersama kakaknya.

Menceritakan detik cemas kejadian itu, Roslan yang sudah tujuh tahun tinggal di situ berkata, kejadian berlaku secara tiba-tiba tanpa sebarang amaran, ketika mereka sekeluarga nyenyak tidur.

“Saya tidur di bilik utama di bahagian hadapan rumah, terjaga apabila terdengar bunyi deruman, sebelum secara tiba-tiba ruang bilik meng-himpit kami, manakala bahagian bumbung roboh hingga menghalang laluan keluar.


“Dalam gelap, saya mera-

INFO

Dua korban tanah runtuh di Ulu Yam

Mayat ditemui tertimbus 2 meter dibawah timbunan tanah dan konkrit.

1. Ruang tamu - dua mayat mangsa ditemui
2. Bilik utama - lima mangsa ditemui terselamat
3. Bilik tidur
4. Bilik dipercayai mangsa tidur sebelum kejadian
5. Bilik pelbagai guna
6. Ruang dapur



Grafik Berita Harian

ba-raba mencari telefon bimbit untuk meminta bantuan sambil memeriksa keadaan isteri Azizah Madon, 42 serta tiga lagi anak kami iaitu Norman Afiq, 4; Anis Afina, 6, dan Nurlisa Azeera, 8.

“Sejurus selepas itu, isteri saya berjaya keluar melalui lubang di bahagian bumbung dan saya menghulurkan dua anak kepadanya. Bagaimanapun, Nurlisa Azeera tidak dapat dikeluarkan ketika itu kerana tersepit di bawah almari pakaian.

“Saya memeriksa keadaan

Nurlisa Azeera dan bersyukur kerana dia memberitahu tidak mengalami sebarang kecederaan. Saya tidak mengalih almari berkenaan kerana bimbang bahagian atas bumbung akan runtuh.

“Ketika itu saya berulang kali memanggil Nur Athirah dan Nur Intan Shareena yang masih terperangkap di bilik belakang, namun tiada jawapan kedengaran,” katanya.

Sementara itu, Azizah berkata, beliau terpaksa merangkak keluar melalui lubang cahaya dari runtuh-

rumah untuk meminta bantuan menyelamatkan ahli keluarga yang lain.

“Saya tidak mempunyai cara lain selain berlari bersendirian meminta bantuan kerana tiada rumah jiran di kawasan ini.

“Kekuatan dan semangat yang ada mendorong saya berlari sejauh tiga kilometer menuju ke chalet Rock Resort meminta bantuan menyelamatkan keluarga. Saya hanya tiba di resort itu pada jam 7 pagi untuk memohon bantuan,” katanya.

Azizah berkata, beliau sedih dan terkilan kerana tidak berdaya membantu dua anaknya yang meninggal dunia.

Katanya, keluarganya pernah mendedahkan masalah kawasan berkenaan termasuk isu pemantauan cerun dan kemudahan prasarana di kawasan itu di TV3.

Sementara itu, Pegawai Daerah Hulu Selangor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bencana daerah, Nor Hisham Dahlan yang ditemui di lokasi kejadian berkata, kejadian tanah runtuh itu dipercayai berpunca daripada aliran air akibat hujan yang berterusan sejak kebelakangan ini.



“Saya berulang kali memanggil Nur Athirah dan Nur Intan Shareena yang masih terperangkap di bilik belakang, namun tiada jawapan kedengaran”

Roslan Mohd Jani
Mangsa tanah runtuh



NORMAN Afiq (kanan), Anis Afina dan Norlisa Adira diselamatkan dalam kejadian tanah runtuh di Ulu Yam Perdana, Ulu Selangor.



AZIZAH dipapah selepas melihat mayat Nur Intan Shareena dalam kejadian tanah runtuh di Ulu Yam, awal pagi semalam.